

# PM kesal hukum sebat pendatang dikecam jiran

Oleh Kadir Dikoh,  
Minarni Mat Saad  
dan Wan Esuriyanti  
Wan Ahmad

PUTRAJAYA, Selasa – Kerajaan mempersoalkan mengapa ada negara tertentu yang membantah tindakan Malaysia mengenakan hukuman sebat terhadap pendatang tanpa izin, sedangkan Singapura yang mempunyai undang-undang sama tidak dipertikai.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata tiada siapa menyadu mengenai tindakan Singapura berbuat demikian tetapi apabila Malaysia melakukan perkara yang sama, Kuala Lumpur menjadi sasaran kecaman.

“Sebenarnya, Singapura juga melakukan perkara yang sama tetapi saya tak nampak sesiapa membuat aduan. Jika anda tinggal lama (secara haram) di Singapura, anda akan dikenakan sebatan.”

“Kita belajar dari Singapura,” katanya selepas majlis penyempurnaan Ta-

sik Putrajaya di sini, petang ini.

Mengikut Akta Imigresen 1959/63 (Pindaan 2002) yang berkuat kuasa 1 Ogos lalu, pendatang tanpa izin yang ditahan boleh dikenakan hukuman penjara, sebat dan denda manakala majikan yang melindungi mereka juga boleh dikenakan tindakan yang sama di bawah akta sama.

Pada awat 1 W-an, Singapura memperkenalkan undang-undang Imiyresen yang ketat termasuk pelaksanaan hukuman penjara dan sebat kerana rakyat asing yang masuk ke republik itu secara haram.

Mereka yang didapati bersalah boteh dijatuhkan hukuman penjara sehingga enam tahun dan sekurang-kurang tiga sebatan rotan.

Ahad lalu, Speaker Majlis Permesyuaratan Rakyat (MPR) Indonesia, Amien Rais, dalam kenyataannya menyifatkan tindakan tegas “Malaysia itu sebagai tidak berverikemanusiaan dan menyakitkan hati rakyat Indonesia.

Amien dilaporkan amat kecewa, marah dan tidak

dapat menerima bahawa negara moden seperti Malaysia melaksanakan hukuman sedemikian dan menganggap ia hukuman kuno dan metukakan hati semua warga di negara republik itu.

Dr Mahathir bagaimanapun berkata, beliau tidak mahu mengulas kenyataan seumpama itu daripada Amien.

“Saya tidak mahu mengulas benda seumpama ini. Saya tak mengendalikan hubungan dengan negara-negara lain seperti itu,” katanya.

Di **PELABUHAN KLANG**, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi pula berkata, tindakan Malaysia mengenakan hukuman sebat kepada pendatang tanpa izin bukanlah sesuatu yang sengaja dilakukan bagi menganiaya rakyat negara tertentu.

Sebaliknya, beliau berkata, penguatkuasaan undang-undang penjara dan sebatan itu membabitkan semua warga negara asing yang masuk ke negara ini secara haram.

Malah, beliau berkata, rakyat Malaysia sendiri dikenakan hukuman sebat jika membawa masuk pendatang tanpa izin atau mengambil mereka bekerja secat-a-haram.

Beliau tnenolak kenyataan Amien yang menyelar tindak kerajaan Malaysia mengenakan hukuman sebat ke atas beberapa warga negara itu yang didapati bersalah memasuki Malaysia tanpa dokumen yang sah.

Abdullah berkata, warga asing mesti menghormati undang-undang di Malaysia kerana undang-undang yang dibuat itu diluluskan oleh Parlimen.

"Kita ada undang-und-

ang. Mereka yang bekerja di sini sudah dimaklumkan beberapa kali.

"Kita beri tempoh dan nasihat berulang kali kepada mereka. Kalau selepas semua itu dilakukatt mereka membattah dan tidak mengambil hirau langsung undang-undang kita, maka kenalah tindakan diambil terhadap mereka," katanya.

Beliau ditemui pemberita selepas majlis Pelancaran Terminal 3 Northport dan Pelanraran Kren Kelas Super Post Pattamax di Dermaga 11 Pelabuhan Utara hari ini.

"Undang-undang ini bukannya untuk pendatang dari Indonesia sahaja. Rakyat

Malaysia juga kena. Untuk mengatakan ini khusus untuk pekerja Indonesia saja tidak betul kerana warga negara asing lain juga dikenakan tindakan sama," katanya.

Metteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar pula meminta Indonesia supaya lebih rasional dan bertanggungjawab dalam memastikan rakyatnya melalui proses undang-undang yang sah sebelum datang bekerja ke negara ini.

Beliau yang kesal dengan kenyataan Amien kerana mempertikaikan hukuman sebat kepada pendatang tanpa izin di sini, berkata Amien sepatutnya menasiti rakyat Indonesia su-

paya mendapatkan dokumen sah sebelum datang ke negara ini.

"Biarlah kita mengelakkan entosi dan bercakap secara rasional dan bertanggungjawab. Saya rasa, sebagai seorang pemimpin, Amien sepatutnya tidak ntenggalakkan rakyatnya datang ke sini tanpa dokumen sah.

"Beliau sepatutnya menasihati warganya kerana Malaysia banyak membuka peluang pekerjaan kepada warga asing terutama Indonesia," katanya selepas membuat kunjungan hormat kepada Naib Perdana Menteri Pertama Ukraine, Oleg Dubyna, di sini, hari ini.